

**KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM
DALAM PENGAJARAN KOMSAS BAHASA MELAYU**

*(The Impact Of Needham Five Phase Constructivisme Model Towards
Teaching Literature Component of Malay Language)*

ZURAINU MAT JASIN
Kementerian Pelajaran Malaysia

ABDULL SUKOR SHAARI
abdsukor@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan mengenal pasti sama ada pengajaran komponen sastera (Komsas) Bahasa Melayu menggunakan Model Lima Fasa Needham (1987) dapat meningkatkan pencapaian murid bukan Melayu. Kajian kuasi eksperimen ini dijalankan dengan menggunakan sebanyak 80 murid Cina di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen diajar menggunakan Model konstruktivisme, manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan pendekatan konvensional. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan ujian-t. Daripada analisis yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos. Min skor Komsas bagi murid kumpulan pos eksperimen adalah lebih tinggi berbanding min skor kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

Kata kunci: Pendekatan konstruktivisme, pengajaran Komsas, Bahasa Melayu, eksperimen

ABSTRACT: *The purpose of this study was to examine whether the teaching literature component Malay Language using Needham (1987) Five Phase Model can improve the student's achievement. A Quasi-Experimental study involving 80 Chinese students from a secondary school was carried out to test the effect of two teaching strategies. They were divided into two groups. The experimental group was put through the Needham (1987) Five Phase Model approach, and the control group went through the conventional learning approach. Data was analyzed using independent samples t-test. The findings of this study showed there is significance difference between experimental and control group in post-test. Min score experimental group reported higher compared with min score from control group in post-test.*

Keywords: *Constructivisme approach, component teaching, Malay language, experimental*

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita dan seharusnya ia dikuasai dengan baik oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu wajib diajar di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan merupakan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Peperiksaan Malaysia. Matlamat kurikulum Bahasa Melayu pula adalah untuk melengkapkan setiap murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang Interpersonal, bidang Maklumat dan bidang Estetika (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM, 2000). Penumpuan kepada bidang-bidang tersebut bertujuan untuk membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang kerjaya, dan seterusnya sebagai bahasa ilmu yang boleh dimanfaatkan sepanjang hidup mereka.

Bidang estetika ialah salah satu daripada tiga bidang utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Kamus Dewan (2002), estetika bermaksud cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan bahasa dan berfokus kepada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa. Hasil pembelajaran khusus yang perlu dicapai ialah memahami, menguasai dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu.

Komponen Kesusasteraan Melayu (Komsas) telah dimasukkan dalam perubahan sukatan ini dengan harapan akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Pelaksanaan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan pada tahun 2000. Othman (2001) menyatakan, bagi mencapai keberkesanan maksimum dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, haruslah wujud perancangan atau strategi yang mantap daripada guru, murid, dan teks yang dipilih.

Bagi mencapai hasrat tersebut, strategi pengajaran dan pembelajaran yang dirancang hendaklah menggunakan pendekatan yang berfokuskan murid dengan menggunakan kepelbagaian teknik dan sumber pembelajaran untuk menghasilkan keberkesanannya. Selaras dengan perkembangan arus globalisasi sekarang, didapati corak pembelajaran perlu memberi banyak ruang dan peluang kepada murid untuk mendapatkan sendiri ilmu sementara guru perlu menjadi pendamping atau fasilitator sahaja. Salah satu pendekatan yang mengamalkan pembelajaran sebegini ialah pembelajaran konstruktivisme. Menurut Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005), corak pembelajaran konstruktivisme sepatutnya diaplikasikan oleh guru dalam membentuk identiti murid yang berdaya saing. Pendekatan ini dapat membantu murid merangsang kecerdasan pelbagai yang dimiliki dengan cara yang berkesan seterusnya mampu melakukan anjakan paradigma bagi diri sendiri untuk berfikir pada tahap berfikir di luar kotak.

Kajian Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menunjukkan pengajaran sastera secara terancang dengan menggunakan model skema dapat meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan subjek secara signifikan bagi setiap petikan. Implikasi

penyelidikan ini menunjukkan model skema yang dihasilkannya sangat berkesan dan dapat digunakan oleh guru-guru untuk meningkatkan kefahaman bacaan Komsas dalam kalangan murid.

PENYATAAN MASALAH

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang sangat penting pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun begitu, kepada murid bukan Melayu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Keat Hwa, (Sekolah Kluster Kecemerlangan), Alor Setar Kedah, pencapaian pelajar masih boleh dipertikaikan. Berdasarkan statistik keputusan peperiksaan awam Bahasa Melayu SPM tahun 2009 sekolah ini menunjukkan bahawa walaupun murid ini lulus 100% tetapi hanya 54.6% murid berjaya mendapat A+, A dan A- daripada 433 orang calon yang mengambil peperiksaan tersebut, berdasarkan analisis peperiksaan SPM tahun 2009 (Laporan Peperiksaan SPM Sekolah Keat Hwa, 2009). Kebanyakan murid sekolah ini mendapat pendidikan sekolah rendah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C). Jika dilihat daripada rekod kemasukan murid ke sekolah, 80 peratus murid yang diterima masuk ke SMJK Keat Hwa (Sekolah Kluster Kecemerlangan) perlu mendapat 7A atau minimumnya 5A di peringkat UPSR menunjukkan bahawa murid-murid di sekolah ini bijak dan terpilih.

Memandangkan kepada pemasalahan ini, satu pendekatan, kaedah atau teknik dalam pengajaran dan pembelajaran wajar terus dicari agar murid-murid sekolah kajian mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih baik, terutamanya dalam bidang Komsas untuk mengubah stigma murid yang menganggap Komsas sukar dikuasai dan membosankan, sekali gus memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan Melayu dan menggunakannya sebagai bahasa perhubungan antara kaum.


Berdasarkan beberapa kajian lepas seperti kajian Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005) dalam mata pelajaran Sejarah dan kajian Noor Azliza dan Lilia (2002), didapati kajian yang menggunakan model konstruktivisme dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam pembelajaran Komsas masih kurang. Maka dalam kajian ini, Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan pembelajaran Komsas dalam kalangan murid bukan Melayu.

MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM

Dalam kajian ini guru menggunakan kaedah pembelajaran model konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) kepada kumpulan sasaran yang merangkumi lima fasa berikut:

1. Orientasi: Guru menyediakan suasana pembelajaran untuk merangsang dan menimbulkan minat murid terhadap pelajaran. Pelbagai cara dilakukan untuk mendapatkan perhatian murid. Antaranya ialah dengan menunjukkan tayangan video, keratan akhbar, teka-teki, lakonan dan simulasi.
2. Pencetusan idea: Guru merancang pelbagai bentuk aktiviti seperti perbincangan kumpulan, menggunakan kaedah peta konsep serta membuat laporan dengan

- menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu yang akan mereka pelajari. Murid akan berbincang dalam kumpulan dan berkongsi pengalaman yang sama serta interaksi yang rapat sesama mereka. Guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator dengan membekalkan bahan pembelajaran dan membimbing murid untuk membuat pembelajaran inkuri atau pembelajaran berasaskan masalah yang diberi.
3. Penstrukturan semula idea: Guru menyediakan aktiviti atau memberi tugas berstruktur untuk membolehkan murid mencabar idea asal mereka atau idea rakan, dan membina struktur pengetahuan sendiri yang lebih bermakna dan berkesan. Dalam fasa ini, kemahiran berbahasa akan membantu murid membuat pengubahsuaian atau penyusunan semula idea mengikut turutan dan setiap satu idea mempunyai kesinambungan idea yang kelihatan tersusun dan terancang. Peranan guru pula ialah mengukuhkan konsep atau idea yang tepat kepada muridnya.
 4. Aplikasi idea: Murid akan mengaplikasikan pengetahuan baru dengan menyelesaikan masalah dalam situasi baharu. Situasi ini dapat mewujudkan pemahaman yang baharu dan menggalakkan proses inkuiri di dalam diri murid.
 5. Refleksi: Murid membandingkan pengetahuan asal dengan pengetahuan baharu dan merenung kembali proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan kepada idea mereka. Murid juga boleh membuat refleksi untuk melihat sejauh manakah idea asal mereka telah berubah. Guru boleh menggunakan kaedah penulisan sendiri, perbincangan kumpulan dan catatan peribadi murid untuk meneliti atau memantau tahap pemahaman murid-muridnya.



Rajah 1: Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham

PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME

Pendekatan konstruktivis dalam pendidikan merupakan satu inovasi tentang gaya pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Konstruktivisme menekankan kepada peranan murid dan guru sebagai pembimbing sahaja. Kelebihan pendekatan ini ialah murid berpeluang membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaharu. Pembelajaran terdahulu dikaitkan dengan pembelajaran terbaharu. Perkaitan ini dibina sendiri oleh murid. Hal ini kerana menurut teori konstruktivisme ini, konsep-konsep yang dibina pada struktur kognitif seseorang akan berkembang dan berubah apabila ia mendapat pengetahuan atau pengalaman baru.

Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menjelaskan bahawa seseorang dapat membina konsep dalam struktur kognitifnya dengan pengetahuan yang sedia ada padanya dan proses ini dikenali sebagai "*accretion*". Pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana murid digalakkan membina konsep sendiri dan menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Dalam hal ini, sekali gus murid dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara.

SOROTAN LITERATUR

Definisi dan Konsep Konstruktivisme

Jean Piaget (1976), dalam bukunya '*To Understand is to Invent: The Future of Education*' menjelaskan bahawa pengetahuan berkembang hasil daripada pembinaan pengetahuan individu selepas pemahaman individu tersebut. Piaget menekankan pengetahuan semasa bersifat sementara dan bertukar mengikut masa. Ia merupakan sebuah proses secara berterusan dan sentiasa disusun semula. Konsep konstruktivisme merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan bagaimana manusia belajar dengan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. Unsur-unsur konstruktivisme telah lama dipraktikkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat. Konstruktivisme telah dipelopori oleh Lev Semyonich Vygotsky (1978). iaitu seorang ahli psikologi melalui bukunya '*Mind in Society*'. Beliau memisahkan antara pemikiran dan bahasa bebas dan berkembang secara terpisah. Beliau juga menumpukan kepada zon perkembangan proksimal (ZPD) yang relevan dengan teknologi pengajaran.

Penggunaan teori konstruktivisme sangat penting kerana teori ini terbukti sangat dominan dalam pendidikan sekarang kerana menyediakan perubahan paradigma kepada pendekatan yang lebih berasaskan kognitif berbanding pendekatan tradisional yang lebih kepada behaviourisme. Kajian yang dilakukan oleh Peter, Abiadun dan Jonathan (2010), menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme memberi kesan yang positif kepada akademik murid. Teori ini menyangkal dengan menyatakan perkembangan kognitif sebagai hasil pengumpulan pengetahuan dan perubahan perkembangan hanya akan berlaku apabila mencapai kematangan iaitu pendapat Piaget

yang berpendapat pembelajaran hanya akan berlaku apabila perkembangan telah terbentuk. Pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme telah digunakan secara meluas dalam mata pelajaran sains menurut Subadrah Nair & Malar Muthiah (2005).

Teori konstruktivisme menurut Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), menyatakan bahawa murid membina makna mengenai dunia dengan mensintesis pengalaman baru terhadap apa-apa yang mereka telah fahami sebelumnya. Mereka menjelaskan bahawa melalui prinsip konstruktivisme, ilmu pengetahuan dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya. Manakala menurut Vighnarajah, Wong Su Luan dan Kamariah (2008), mendapati guru yang menggunakan pendekatan teori konstruktivisme dapat mengaktifkan murid dalam penglibatan proses pengajaran dan pembelajaran.

McBrien dan Brandt (1997), menyatakan konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan kepada penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain. Nik Aziz Nik Pa (1999), menyebut konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Ini bermakna bahawa sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif daripada luar.

Kajian Berkaitan

Kajian yang dijalankan oleh Marohaini dan Zulkifli (1997), mendapati penumpuan guru diberikan kepada hasil karangan daripada proses mengarang itu sendiri. Maka beliau mencadangkan agar bentuk pengajaran lebih menekankan aspek input isi daripada strategi mengarang. Bentuk pengajaran hendaklah lebih berpusatkan murid. Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), menyatakan bahawa aplikasi pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan berupaya melahirkan murid yang boleh membina pengalaman dan pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu alternatif yang wajar diaplikasi guru.

Faridah, Nooreiny dan Raja Mohd Fauzi (2001), pula dalam kajian terhadap penulisan murid sekolah menengah mendapati murid yang guru melakukan perubahan dalam penulisan ialah menilai proses kognitif yang menggunakan pendekatan konstruktivisme seperti perbincangan kumpulan murid boleh menambah minat dan mampu menulis dengan baik. Jones dan Arage (2002) mendapati konstruktivisme memberi peluang kepada guru untuk menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk prakonsept sendiri, perkembangan minda secara kompleks dan mendalam untuk pemahaman yang kukuh dan jelas.

Bagi kajian yang dilakukan oleh Halizah dan Ishak (2008), yang menggunakan pendekatan konstruktivisme model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) ke atas 60 orang murid kejuruteraan mendapati PBL dapat membantu murid meningkatkan kebolehan pemikiran mereka seperti berfikir kritis, kemahiran komunikasi,

penyelesaian masalah berbanding pendekatan secara konvensional. Kombinasi pemikiran kreatif dan kemahiran teknikal membolehkan murid kejuruteraan bersedia menghadapi cabaran dalam industri kelak.

Ibrahim, Erdal dan Mustafa (2009), pula menggunakan konstruktivisme dalam model PBL juga mendapati respondennya iaitu murid universiti (undergraduate) menunjukkan prestasi memberangsangkan berbanding kumpulan yang dikawal tetapi tidak ada perbandingan prestasi dalam bilangan masalah. Menurut Peter, Abiadun dan Jonathan (2010), kajian mereka melihat kesan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mekanikal. Mereka mendapati murid belajar dan mahir kemahiran lebih maksimum apabila digalakkan menyertai pembelajaran secara aktif melalui aktiviti interaktif secara tidak langsung dengan guru dan rakan serta bekerja dalam kumpulan.

Penggunaan Konstruktivisme Model Inkuiri dan Induktif

Beberapa kajian menggunakan pendekatan konstruktivisme model inkuiri dilaporkan. Antaranya ialah kajian Prince dan Felder (2006) yang menggunakan konstruktivisme dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran induktif. Kajian mereka mendapati secara umumnya cara ini lebih efektif berbanding cara deduktif tradisional untuk mencapai matlamat hasil pembelajaran. Zamri, Celinea, Nik Mohd Rahimi dan Mohamed Amin (2009), dalam kajian mereka mendapati pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta murid dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka apabila guru menggunakan pendekatan konstruktivisme yang sesuai dengan dunia pendidikan. Kajian mereka mendapati strategi pembelajaran bahasa yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan pengetahuan dalam berbahasa murid melalui bacaan, juga mereka dapat berkongsi idea untuk menulis idea dengan berkesan.

Kajian lain ialah Faridah, Nooreiny dan Raja Mohd Fauzi (2001), dalam kajian terhadap penulisan murid sekolah menengah mendapati murid yang guru melakukan perubahan dalam penulisan ialah menilai proses kognitif yang menggunakan pendekatan konstruktivisme seperti perbincangan kumpulan murid boleh menambah minat dan mampu menulis dengan baik. Jones dan Arage (2002), mendapati konstruktivisme memberi peluang kepada guru untuk menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk prakonsep sendiri, perkembangan minda secara kompleks dan mendalam untuk pemahaman yang kukuh dan jelas.

Penggunaan Konstruktivisme Model Lima Fasa Needham

Noor Azliza dan Lilia (2002), mendapati penggunaan model Lima Fasa Needham (1987), telah memberi kesan yang penting dalam hasil pembelajaran murid, iaitu berlaku peningkatan markah selepas menggunakan prototaip. Murid didapati lebih memahami tajuk. Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), juga menggunakan Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham 1987), mendapati murid lebih mudah memahami mata pelajaran Sejarah dan lebih berminat mempelajari subjek ini. Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), teori konstruktivisme pada struktur kognitif seseorang akan

berkembang dan berubah apabila mereka mendapat pengalaman baru yang dialaminya dikenali sebagai penalaan. Dalam kajian mereka dengan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah didapati bahawa murid lebih seronok belajar dan mereka melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Selain itu, pencapaian murid dalam ujian mata pelajaran Sejarah turut meningkat secara signifikan setelah didedahkan dengan model tersebut.

Dapatan kajian Fahriye, Zehra dan Aytakin (2008) pula menunjukkan pembelajaran menggunakan model ini lebih berpusatkan kepada murid. Murid dapat mengorganisasi maklumat dan melakarkan peta konsep mengikut pemahaman konsep masing-masing. Menurut Fahriye, Zehra dan Aytakin (2008), dalam kajian mereka yang menggunakan teori konstruktivisme mendapati bahawa murid telah dapat mempelbagaikan aktiviti seperti portfolio, kerja kumpulan dan sebagainya. Mereka yang mempunyai masalah bertutur dalam Bahasa Inggeris dapat melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kumpulan. Akhir sekali, kajian Affendi dan Mohamed Amin (2010), yang menggunakan konstruktivisme dalam merangka kemudahan belajar secara atas talian mendapati bahawa guru lebih mudah memberi maklum balas sekiranya murid didedahkan dengan kaedah pembelajaran konstruktivisme kerana murid dapat membuat pencarian sendiri mengikut kehendak dan kesediaan masing-masing secara fleksibel.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina meningkat secara signifikan atau tidak selepas pengajaran dan pembelajaran menggunakan model yang sama.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimental. Pemilihan kaedah eksperimental ini dibuat penyelidikan sangat unik kerana boleh menghasilkan hubungan sebab dan akibat. Menurut Noraini (2010), daripada semua jenis penyelidikan, penyelidikan eksperimen paling berstruktur kerana kawalan dan prosedur yang dikawal. Penyelidikan ini dijalankan dalam satu persekitaran yang terkawal. Semua data akan diperoleh melalui kaedah ujian pra dan ujian pos serta soalan soal selidik. Reka bentuk yang digunakan pula ialah reka bentuk *Nonequivalent control group of pretest/post-test design* (Jadual 1).

Jadual 1: Reka bentuk kajian

Kumpulan Eksperimen	Praujian	X*	Pascaujian
Kumpulan Kawalan	Praujian	Y*	Pascaujian

*X: Pengajaran menggunakan Model Konstruktivisme selama lapan minggu

*Y: Pengajaran menggunakan pendekatan konvensional selama lapan minggu

Populasi dan Persampelan

Kajian kuasi eksperimen ini dijalankan dengan menggunakan sebanyak 80 murid Cina di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen diajar menggunakan model konstruktivisme, manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan pendekatan konvensional. Kedua-dua kelas yang dipilih adalah setara dari segi pencapaian Komsas Bahasa Melayu mengikut ujian pencapaian pertengahan tahun. Pengajaran konstruktivisme berdasarkan Model Lima Fasa Needham (1987) dijalankan mengikut langkah berikut: (1) orientasi, (2) Pencetusan idea, (3) Penstrukturan semula idea, (4) Aplikasi idea dan (5) Refleksi.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian Komsas pra dan pasca kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Ujian pra akan dijalankan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan sasaran kajian sebelum pengajaran dimulakan. Selepas mengadakan ujian pra, kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan akan didedahkan kepada pengajaran selama enam minggu. Kumpulan eksperimen diajar menggunakan model konstruktivisme manakala kumpulan kawalan pula diajar menggunakan model konvensional. Seterusnya, kedua-dua kumpulan berikan ujian pasca. Ujian kedua bertujuan untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan sesi pembelajaran secara konstruktivisme mahupun secara konvensional. Ujian ini mengandungi satu soalan penulisan yang sama seperti praujian. Soalan ujian yang digunakan ialah soalan standard Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebenar.

Prosedur Memungut Data

Ujian pra telah diberikan kepada kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada awal kajian. Selepas tempoh pengajaran selama enam minggu, murid daripada kedua-dua kumpulan diberikan ujian pasca (*post test*). Tempoh pengajaran yang dijalankan ialah 16 jam, iaitu 2 jam x 6 minggu. Semua data dinilai mengikut satu kaedah utama iaitu penskoran jawapan berbentuk esei atau struktur yang menggunakan skala cemerlang, kepujian, baik, memuaskan, tidak memuaskan dan pencapaian minimum. Menurut Bashah (2003), kaedah holistik juga digunakan sebagai pendekatan gambaran umum atau tanggapan keseluruhan berdasarkan perbandingan sesuatu sampel esei atau penulisan kepada satu piawai yang ditetapkan mengikut tahap SPM.

DAPATAN KAJIAN

Pencapaian Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen

Analisis inferensi digunakan untuk menjawab persoalan dan menguji hipotesis yang telah dikemukakan. Fokus utama adalah mengkaji perbezaan pencapaian akademik dalam Komsas Bahasa Melayu antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Ujian yang digunakan ialah ujian-t. Daripada Jadual 2 menunjukkan persamaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian Komsas (dengan sisihan piawai) bagi murid kumpulan eksperimen dan murid kumpulan kawalan. Min skor Komsas bagi murid kumpulan eksperimen ialah ($M = 3.00$, $SD = 0.71$), manakala min skor Komsas bagi murid kumpulan kawalan ialah ($M = 2.97$, $SD = 0.67$), $t = 26.5$ $p = 0.055$. Oleh yang demikian hipotesis null diterima iaitu H_01 tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Jadual 2: Ujian-t perbezaan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra

Aspek	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Signifikan
Eksperimen	40	3.00	.71	26.5	0.05
Kawalan	40	2.97	.67		

$p > .05$

Dari segi ujian pasca pula dapatan kajian boleh dilihat daripada Jadual 3 menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos. Daripada analisis yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos. Min skor Komsas bagi murid kumpulan pos eksperimen ialah ($M = 4.55$, $SD = 0.50$). Manakala min skor Komsas bagi murid kumpulan pos kawalan ialah ($M = 3.75$, $SD = 0.67$), $t = 57.1$ $p = 0.00$. Dapatan kajian ini menunjukkan min pencapaian kumpulan eksperimen lebih tinggi berbanding min kumpulan kawalan. Oleh yang demikian hipotesis nul ditolak, iaitu H_02 tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos.

Jadual 3: Ujian-t perbezaan pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca

Aspek	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Signifikan
Eksperimen	40	4.55	.50	57.1	.00*
Kawalan	40	3.75	.67		

* $p < .05$

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian terhadap 80 orang murid eksperimen yang terdiri daripada murid Cina dalam dua buah kelas di sekolah menengah jenis kebangsaan telah berjaya mengenal pasti bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan yang didedahkan dengan pengajaran konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) dengan kumpulan yang didedahkan dengan pengajaran konvensional dalam Komsas Bahasa Melayu. Daripada ujian-t yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pos.

Hasil kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Noor Azliza dan Lilia (2002), yang mendapati penggunaan Model Lima Fasa Needham (1987), telah memberi kesan yang positif dalam hasil pembelajaran sains. Berlaku peningkatan markah yang signifikan murid yang dikaji selepas menggunakan prototaip dan murid juga didapati lebih memahami tajuk. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), mendapati murid lebih mudah memahami mata pelajaran Sejarah dan lebih berminat belajar subjek ini.

Selain itu, berdasarkan kajian Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), juga mendapati pembelajaran secara konstruktivisme dalam membimbing murid menulis karangan berpandu telah memberi kesan yang sangat efektif dan signifikan kepada murid-murid kerana belajar bahasa adalah proses yang berterusan dan memerlukan pemerhatian guru kerana penguasaan bahasa juga adalah satu proses sosial yang utama. Situasi ini amat selari dengan kajian ini kerana didapati pendekatan konstruktivisme telah memberi peluang kepada murid untuk belajar secara berkumpulan dalam melakukan setiap aktiviti.

Selain itu, dapatan kajian oleh Fahriye, Zehra dan Aytengin (2008), dalam kajian mereka yang menggunakan Pendekatan Konstruktivisme mendapati bahawa murid dapat mempelbagaikan aktiviti seperti portfolio, kerja kumpulan dan sebagainya. Mereka yang mempunyai masalah bertutur dalam Bahasa Inggeris telah melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kumpulan. Kajian ini juga menyokong dapatan kajian Affendi dan Mohamed Amin (2010), yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dalam merangka kemudahan belajar secara atas talian. Kajian mereka mendapati bahawa murid lebih mudah memberi maklum balas sekiranya murid didedahkan dengan pembelajaran konstruktivisme kerana murid dapat membuat pencarian maklumat sendiri mengikut kehendak dan kesediaan masing-masing.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memperoleh dapatan bahawa penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham 1987) memberi kesan yang sangat positif dan signifikan bagi meningkatkan prestasi murid bukan Melayu dalam Komsas Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme lebih efektif berbanding pengajaran dan pembelajaran secara

tradisional. Oleh itu, para pendidik harus melakukan inovasi dalam gaya pengajaran masing-masing bagi mencapai anjakan paradigma pedagogi dunia pendidikan.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4: 6-8
- Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2010). Constructivism in the design of online learnings tools. *European Journal of Educational Studies*, 2: 3-13
- Akta Pendidikan (1996). Surat Pekeliling ikhtisas Bil. 5/1998. Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2005). *Membentuk identiti remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bashah Abu Bakar. (2003). *Asas pengukuran bilik darjah*. Tanjong Malim, Perak: Quantum Books.
- Fahriye Altinay Aksal, Zehra Altinay Gazi & Aytengin Isman. (2008). A comprehensive look into the learners' transferable skills related to constructivist approach. *World Applied Sciences Journal*, 4 (4): 558-567.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidik*, 27: 3-26.
- Halizah Awang & Ishak Ramly. (2008). Creative thinking skill approach through problem-based learning: Pedagogy and practice in the engineering classroom, *International Journal of Human and Social Sciences*, 3: 1-14
- Ibrahim Bilgin, Erdal Senocak & Mustafa Sozibilir. (2009). The effect of problem-based learning instruction on university student's performance of conceptual and quantitative problems in gas concepts. *Euroasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 5 (2): 153-164.
- Jones, M. G. & Araje, L. B. (2002). The impact of constructivism on education language, discourse, and meaning. *American Communication Journal*, 5: 14-26
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu edisi penyesuaian*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah rendah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus dewan Edisi Ketiga*. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Peperiksaan SPM Sekolah Keat Hwa (2009). Laporan Peperiksaan tidak diterbitkan. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Melayu di sekolah menengah: Satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 5 (2): 65-71.
- Mc Brien, J.L. & Brandt, R.S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria VA: Association for Supervision And Curriculum Development.

- Needham, R. (1987). *Teaching strategies for developing understanding in science*. The University Leeds: Centre for Studies in Science and Mathematics Education.
- Nik Aziz Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Azliza Che Mat & Lilia Halim. (2002). Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme bagi sains KBSM. *Jurnal Teknologi*, 36, 1-38.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Nurliza Othman. (2002). Thinking skills: A motivational factor in ELT. *Jurnal Pendidikan IPBA*, 2
- Othman Puteh. (2001). Strategi pengajaran bahasa sastera dalam Bahasa Melayu, *Dewan Siswa*, 3: 20-21.
- Peter, O. I., Abiodun, A. P. & Jonathan, O. O. (2010). Effect of constructivism instructional approach on teaching practical skills to mechanical related trade students in western nigerian technical colleges, *International NGO Journals*, 5 (3): 59-64.
- Piaget, J. (1976). *To understand is to invent: The future of education*. New York: Penguin Books.
- Prince, M. J. & Felder, R. M. (2006). Inductive teaching and learning methods definitions comparisons, and research bases. *Journal Engr. Education*, 95 (2): 123-138 .
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Kesusasteraan Melayu (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Subadrah Nair. (2000). Kesan skema terhadap kefahaman bacaan bahan sastera, *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan & Pembangunan Dalam Pendidikan 2000*, 113-115. Pulau Pinang: Penerbitan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20: 21-41.
- Vighnarajah, Wong Su Luan & Kamariah Abu Bakar. (2008). The shift in the role of teachers in the learning process. *European Journal of Social Sciences*, 7 (2).
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA.: Harvard University Press.
- Yun-Jo An. (2010). Scaffolding wiki-based, III-structured problem solving in an online environment. *Merlot Journal of Online Learning and Training*, 6: 4-14.
- Zamri Mahamod. (2006). Penggunaan strategi membaca dan menulis oleh murid cemerlang dan murid lemah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 6 (2): 328-362.
- Zamri Mahamod, Celina Anak Lasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohamed Amin Embi. (2009). Teaching and learning the Malay language in the private institutions of higher learning (PIHL) in Sarawak, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 9 (4).

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Profesor Madya Dr. Abdull Sukor Shaari
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah.
abdsukor@uum.edu.my